

P.U. (A) 213.

AKTA BINATANG 1953

Kaedah-Kaedah Binatang (Kawalan Penyembelihan) 2009

SUSUNAN KAEDAH-KAEDAH

**BAHAGIAN I
PERMULAAN**

Kaedah

1. Nama
2. Tafsiran
3. Borang
4. Fi

**BAHAGIAN II
KAWALAN PENYEMBELIHAN**

5. Larangan penyembelihan, dsb.
6. Permohonan untuk menjadi pengguna berdaftar
7. Pembatalan pendaftaran pengguna berdaftar
8. Pembaharuan perakuan pendaftaran
9. Pengguna tidak berdaftar
10. Fi yang kena dibayar bagi perkhidmatan yang diberikan di rumah penyembelihan diluluskan atau rumah penyembelihan dilesenkan
11. Tanda selar, label atau tanda pengenalan binatang atau karkasnya
12. Karkas yang tidak dituntut
13. Permit untuk menyembelih di luar rumah penyembelihan diluluskan atau rumah penyembelihan dilesenkan bagi maksud amalan agama atau adat, semasa perayaan agama atau adat, dsb.
14. Penyembelihan kecemasan
15. Rumah penyembelihan sedia ada

**BAHAGIAN III
PELBAGAI**

16. Ketidakkpakaian
17. Penalti
18. Pembatalan
19. Kecualian dan peralihan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

P.U. (A) 213.

AKTA BINATANG 1953

Kaedah-Kaedah Binatang (Kawalan Penyembelihan) 2009

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 86 Akta Binatang 1953 [Akta 647], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

BAHAGIAN I PERMULAAN

Nama

1. Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Binatang (Kawalan Penyembelihan) 2009**.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“pengguna berdaftar” ertinya seseorang atau kumpulan orang, firma atau syarikat—

(a) yang didaftarkan di bawah kaedah 6 untuk membawa binatang ke rumah penyembelihan diluluskan untuk disembelih; atau

(b) yang didaftarkan di bawah kaedah 3 Kaedah-Kaedah Rumah penyembelihan (Fi) 2005 [P.U. (A) 415/2005]

untuk membawa binatang ke rumah penyembelihan dilesenkan untuk disembelih, mengikut mana-mana yang berkenaan;

“perkakas” ertinya apa-apa alat yang digunakan untuk menyembelih atau memotong karkas untuk dijual atau untuk menghasilkan keluaran produk binatang dan alat lain yang digunakan berkaitan dengan apa-apa karkas;

“rumah penyembelihan dilesenkan” ertinya mana-mana rumah penyembelihan yang dilesenkan di bawah Akta Rumah Penyembelihan (Penswastaan) 1993 [Akta 507];

“rumah penyembelihan diluluskan” ertinya mana-mana rumah penyembelihan yang dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

Borang

3. Borang yang disebut dalam Kaedah-Kaedah ini seperti dalam Jadual Pertama.

Fi

4. (1) Fi yang kena dibayar bagi maksud Kaedah-Kaedah ini hendaklah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

(2) Fi yang disebut dalam subkaedah (1) hendaklah dibayar kepada pihak berkuasa veterinar melalui apa-apa kaedah dan mengikut apa-apa cara yang ditentukan oleh pihak berkuasa veterinar dari semasa ke semasa.

BAHAGIAN II

KAWALAN PENYEMBELIHAN

Larangan penyembelihan, dsb.

5. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam Kaedah-Kaedah ini, tiada seorang pun boleh menyembelih atau menyebabkan disembelih apa-apa binatang kecuali di rumah penyembelihan diluluskan atau rumah penyembelihan dilesenkan.

(2) Mana-mana orang yang menyembelih atau menyebabkan disembelih apa-apa binatang atau menggunakan apa-apa perkhidmatan di mana-mana rumah penyembelihan diluluskan atau rumah penyembelihan dilesenkan hendaklah menjadi pengguna berdaftar rumah penyembelihan diluluskan atau rumah penyembelihan dilesenkan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(3) Tiada seorang pun boleh menjual, mempamerkan untuk dijual atau memiliki apa-apa karkas apa-apa binatang yang tidak disembelih di rumah penyembelihan diluluskan atau rumah penyembelihan dilesenkan.

Permohonan untuk menjadi pengguna berdaftar

6. (1) Mana-mana orang yang berniat untuk menjadi pengguna berdaftar suatu rumah penyembelihan diluluskan boleh membuat permohonan kepada pihak berkuasa veterinar dalam Borang 1 dan disertakan dengan fi yang ditetapkan.

(2) Pihak berkuasa veterinar boleh meluluskan atau menolak permohonan yang dibuat di bawah subkaedah (1).

(3) Jika permohonan itu diluluskan, pihak berkuasa veterinar hendaklah mengeluarkan suatu perakuan pendaftaran dalam Borang 2, dan pihak berkuasa veterinar boleh menyatakan dalam perakuan itu apa-apa syarat berkenaan dengan pendaftaran itu.

(4) Jika permohonan itu ditolak, pihak berkuasa veterinar boleh, atas permintaan pemohon, memberikan sebab secara bertulis kepada pemohon bagi penolakan itu.

(5) Jika terdapat apa-apa perubahan mengenai butir-butir atau maklumat yang dikehendaki dalam Borang 1 semasa tempoh kesahan perakuan

pendaftaran itu, pengguna berdaftar itu hendaklah mengemukakan perubahan itu dalam Borang 1 yang baru tertakluk kepada kelulusan pihak berkuasa veterinar.

Pembatalan pendaftaran pengguna berdaftar

7. (1) Pihak berkuasa veterinar boleh membatalkan apa-apa perakuan pendaftaran yang dikeluarkan kepada pengguna berdaftar di bawah subkaedah 6(3) jika—

- (a) pengguna berdaftar itu tidak mematuhi mana-mana syarat perakuan pendaftaran;
- (b) pengguna berdaftar membawa masuk, menyebabkan dibawa masuk atau membekalkan apa-apa binatang ke dalam rumah penyembelihan diluluskan atau rumah penyembelihan dilesenkan yang dilarang di bawah Akta Binatang 1953; atau
- (c) pengenalan binatang yang dibawa masuk atau karkas yang dihantar didapati diusik, dipadam atau diubah tanpa kebenaran atau dengan niat yang salah.

(2) Sebelum pihak berkuasa veterinar membuat keputusan di bawah subkaedah (1), pihak berkuasa veterinar itu hendaklah memberitahu pengguna berdaftar itu secara bertulis yang dihantar ke alamat terakhirnya yang diketahui tentang niat pihak berkuasa veterinar itu.

(3) Pengguna berdaftar hendaklah dalam masa tujuh hari dari pengeluaran notis bertulis di bawah subkaedah (2) mengemukakan penghujahan bertulis kepada pihak berkuasa veterinar yang menyatakan sebab mengapa perakuan pendaftarannya tidak patut dibatalkan.

(4) Pihak berkuasa veterinar hendaklah memberikan pertimbangan yang sewajarnya kepada penghujahan bertulis yang dibuat oleh pengguna berdaftar itu sebelum membuat apa-apa keputusan.

(5) Jika pihak berkuasa veterinar, selepas memberikan pertimbangan yang sewajarnya kepada penghujahan bertulis itu, membatalkan perakuan pendaftaran itu, pihak berkuasa veterinar hendaklah mengeluarkan suatu notis pembatalan kepada pengguna berdaftar itu berserta dengan sebab-sebab bagi pembatalan itu.

(6) Pembatalan perakuan pendaftaran itu hendaklah mula berkuat kuasa apabila habis tempoh tujuh hari dari tarikh notis pembatalan itu.

Pembaharuan perakuan pendaftaran

8. (1) Pengguna berdaftar boleh memohon untuk membaharui perakuan pendaftaran dalam Borang 3 tidak lewat daripada satu bulan tetapi tidak awal daripada tiga bulan sebelum tarikh tamat perakuan pendaftaran yang sedia ada itu.

(2) Pihak berkuasa veterinar hendaklah, apabila dibayar fi yang ditetapkan, membaharui suatu perakuan pendaftaran yang sedia ada itu.

(3) Pihak berkuasa veterinar boleh, jika ia berpuas hati bahawa pengguna berdaftar tidak memohon untuk pembaharuan selepas tarikh tamat tempoh perakuan pendaftaran itu, mengeluarkan suatu arahan bertulis yang mengarahkan pengguna berdaftar itu menghentikan penyembelihan apa-apa binatang dan menggunakan perkhidmatan dan kemudahan dalam rumah penyembelihan diluluskan.

Pengguna tidak berdaftar

9. Walau apa pun apa-apa jua dalam kaedah 6 Kaedah-Kaedah ini dan kaedah 3 Kaedah-Kaedah Rumah Penyembelihan (Fi) 2005 [*P.U. (A) 415/2005*], apabila suatu permohonan secara bertulis dan suatu tujuan khas diluluskan oleh pihak berkuasa veterinar, seseorang pengguna tidak berdaftar boleh menyembelih mana-mana binatang dalam suatu rumah penyembelihan diluluskan atau rumah penyembelihan dilesenkan.

Fi yang kena dibayar bagi perkhidmatan yang diberikan di rumah penyembelihan diluluskan atau rumah penyembelihan dilesenkan

10. (1) Pengguna berdaftar atau pengguna tidak berdaftar suatu rumah penyembelihan diluluskan atau rumah penyembelihan dilesenkan hendaklah membayar fi yang ditetapkan sebelum apa-apa perkhidmatan diberikan atau apa-apa kemudahan digunakan di mana-mana rumah penyembelihan diluluskan atau rumah penyembelihan dilesenkan.

(2) Fi yang disebut dalam subkaedah (1), berhubung dengan—

(a) pengguna berdaftar atau pengguna tidak berdaftar suatu rumah penyembelihan diluluskan, hendaklah berdasarkan sistem penyembelihan yang dikendalikan di dalam rumah penyembelihan diluluskan itu mengikut klasifikasi yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga; atau

(b) pengguna berdaftar atau pengguna tidak berdaftar suatu rumah penyembelihan dilesenkan, hendaklah berdasarkan sistem penyembelihan yang dikendalikan di dalam rumah penyembelihan dilesenkan itu mengikut Kaedah-Kaedah Rumah Penyembelihan (Fi) 2005.

(3) Mana-mana orang yang membawa masuk binatang untuk disembelih di suatu rumah penyembelihan diluluskan atau rumah penyembelihan dilesenkan boleh, apabila dibayar fi yang ditetapkan menyimpan binatang itu di kawasan kurungan rumah penyembelihan diluluskan atau rumah penyembelihan dilesenkan sebelum ia disembelih.

(4) Pihak berkuasa veterinar boleh menolak penyembelihan mana-mana binatang jika pihak berkuasa veterinar itu berpuas hati bahawa subkaedah (1) tidak dipatuhi dengan mengeluarkan suatu perintah bertulis untuk menghentikan penyembelihan itu.

(5) Pihak berkuasa veterinar boleh memerintahkan penyembelihan sesuatu binatang yang telah dibawa masuk ke dalam kawasan kurungan lebih daripada empat puluh lapan jam, jika pengguna berdaftar atau pengguna tidak berdaftar tidak dapat dihubungi atau enggan untuk menyembelih binatang itu, atau tuan punya yang sah tidak dapat dipastikan.

(6) Dalam kaedah ini, suatu “kawasan kurungan” ialah suatu ruang sama ada bertutup atau tidak bertutup di dalam suatu rumah penyembelihan diluluskan atau rumah penyembelihan dilesenkan untuk menempatkan atau menahan binatang sebelum disembelih bagi suatu tempoh tidak lebih daripada empat puluh lapan jam atau apa-apa tempoh yang lebih lama sebagaimana yang diarahkan oleh pihak berkuasa veterinar.

Tanda selar, label atau tanda pengenalan binatang atau karkasnya

11. (1) Bagi maksud pengenalanpastian, pihak berkuasa veterinar boleh menanda selar, tag, mengecap, melekatkan apa-apa logo, melabel atau selainnya menanda sama ada secara kekal atau sementara mana-mana binatang selepas dibawa masuk ke dalam rumah penyembelihan diluluskan atau rumah penyembelihan dilesenkan atau karkas mana-mana binatang yang telah disembelih mengikut Kaedah-Kaedah ini.

(2) Tiada seorang pun boleh, tanpa kuasa yang sah di sisi undang-undang memalsukan, meniru, mengubah, merosakkan, mencatitkan, memadamkan, mengalihkan atau melekatkan apa-apa tanda selar, tag, cap, logo, label atau tanda yang digunakan oleh pihak berkuasa veterinar di bawah subkaedah (1) atau memiliki tanda selar, tag, cap, logo, label atau tanda yang tulen, dipalsukan, ditiru atau diubah itu, atau apa-apa peralatan atau bahan yang berkaitan dengan tanda selar, tag, cap, logo, label atau tanda yang tulen, dipalsukan, ditiru atau diubah itu yang digunakan bagi maksud sedemikian.

Karkas yang tidak dituntut

12. (1) Pihak berkuasa veterinar boleh memerintahkan penjualan atau pemusnahan apa-apa karkas dan termasuk karkas yang telah disembelih di bawah subkaedah 10(5) jika karkas itu tidak dituntut oleh pengguna berdaftar atau tuan punya karkas yang sah semasa waktu penghantaran karkas yang ditetapkan.

(2) Apa-apa wang daripada jualan dalam subkaedah (1), tolak apa-apa kos yang ditanggung oleh pihak berkuasa veterinar, yang tidak dituntut oleh pengguna berdaftar atau tuan punya yang sah tidak dapat dikenal pasti selepas empat belas hari daripada penjualan itu, hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.

(3) Dalam kaedah ini, “waktu penghantaran karkas yang ditetapkan” ertinya masa ditetapkan yang diluluskan yang dinyatakan dalam syarat-syarat yang dilampirkan kepada perakuan pendaftaran bagi pengguna berdaftar atau tuan punya yang sah untuk mengutip karkas di setiap rumah penyembelihan diluluskan atau rumah penyembelihan dilesenkan.

Permit untuk menyembelih di luar rumah penyembelihan diluluskan atau rumah penyembelihan dilesenkan bagi maksud amalan agama atau adat, semasa perayaan agama atau adat, dsb.

13. (1) Mana-mana orang boleh memohon suatu permit untuk menyembelih dan membersihkan apa-apa binatang di mana-mana tempat selain di rumah penyembelihan diluluskan atau rumah penyembelihan dilesenkan—

- (a) bagi maksud apa-apa amalan agama atau adat;
- (b) semasa perayaan agama atau adat;
- (c) bagi maksud penyelidikan atau pendidikan; atau
- (d) bagi maksud mempromosi pemakanan karkas binatang tertentu.

(2) Suatu permohonan di bawah subkaedah (1) hendaklah dibuat dalam Borang 4.

(3) Apabila dibayar fi yang ditetapkan, pihak berkuasa veterinar hendaklah memberikan suatu permit dalam Borang 5, dan pihak berkuasa veterinar boleh menyatakan dalam permit itu apa-apa syarat yang pihak berkuasa veterinar fikirkan patut.

(4) Bagi maksud permohonan di bawah perenggan (1)(a), sebelum memberikan suatu permit di bawah subkaedah (3), pihak berkuasa veterinar berpuas hati bahawa mana-mana agama atau adat menghendaki penyembelihan binatang dilakukan di suatu tempat yang khusus atau mengikut cara yang khusus.

(5) Orang yang kepadanya permit di bawah subkaedah (3) dikeluarkan hendaklah melakukan penyembelihan di tempat, dengan cara dan pada masa yang dinyatakan dalam permit itu.

(6) Orang di bawah perenggan (1)(a) yang kepadanya permit di bawah subkaedah (3) dikeluarkan tidak boleh menjual, menawar atau mempamerkan untuk dijual karkasnya dengan apa-apa cara.

(7) Orang di bawah perenggan (1)(b), (c) atau (d) yang kepadanya permit di bawah subkaedah (3) dikeluarkan, hendaklah menjual karkasnya di tempat, dengan cara dan pada masa yang dinyatakan dalam permit itu.

(8) Pihak berkuasa veterinar boleh mengenakan syarat-syarat tambahan yang disifatkan perlu bagi penyembelihan binatang, penjualan dan pelupusan karkas.

(9) Bagi maksud menentukan pematuhan permit yang dikeluarkan di bawah subkaedah (3), pihak berkuasa veterinar boleh memeriksa dan menandakan binatang atau karkas itu.

(10) Dalam kaedah ini, “perayaan agama” termasuk Hari Raya Puasa dan Hari Raya Haji yang dirayakan oleh orang Islam, atau apa-apa perayaan agama atau adat lain yang diluluskan oleh Menteri dari semasa ke semasa.

Penyembelihan kecemasan

14. (1) Tanpa menjejaskan kaedah 13, mana-mana orang atau pengguna berdaftar boleh menyembelih dan mengeviserat apa-apa binatang di suatu rumah penyembelihan diluluskan atau rumah penyembelihan dilesenkan atau di mana-mana tempat selain rumah penyembelihan diluluskan atau rumah penyembelihan dilesenkan jika binatang itu didapati cedera parah atau dalam sesuatu keadaan yang menghendaki binatang itu disembelih dengan sertamerta.

(2) Mana-mana binatang yang disembelih menurut subkaedah (1) tidak boleh dibersihkan, dijual atau dilupuskan untuk makanan manusia melainkan jika karkas itu dikemukakan kepada dan diluluskan oleh pihak berkuasa veterinar untuk makanan manusia.

(3) Seseorang pengguna berdaftar atau tuan punya karkas itu, apabila mengemukakan karkas itu, hendaklah membayar fi penyembelihan kecemasan yang ditetapkan sebagai tambahan kepada fi penyembelihan yang ditetapkan.

(4) Dalam kaedah ini, “mengeviserat” ertinya pembuangan atau mengeluarkan organ dalaman apa-apa binatang yang telah disembelih tetapi tidak termasuk pembersihan.

Rumah penyembelihan sedia ada

15. (1) Walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam Kaedah-Kaedah ini dan atas suatu permohonan secara bertulis, Ketua Pengarah boleh memberi mana-mana orang atau kumpulan orang, firma atau syarikat suatu lesen khas untuk terus mengendalikan secara sementara mana-mana rumah penyembelihanyang sedia ada apabila mula berkuatkuasanya Kaedah-Kaedah ini.

(2) Jika mana-mana orang atau kumpulan orang, firma atau syarikat berhenti daripada mengendalikan rumah penyembelihan sedia ada, Ketua Pengarah boleh mengendalikan mana-mana rumah penyembelihan sedia ada secara sementara apabila mula berkuatkuasanya Kaedah-Kaedah ini.

(3) Tanpa menjejaskan subkaedah (1), tiada apa-apa dalam kaedah ini boleh diteruskan atau dilaksanakan bagi suatu tempoh melebihi lima tahun daripada tarikh Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa.

(4)Ketua Pengarah boleh, semasa mengeluarkan lesen khas untuk mengendalikan mana-mana rumah penyembelihan sedia ada di bawah subkaedah (1), mengenakan—

- (a) sekatan ke atas bilangan dan jenis binatang yang hendak disembelih;
- (b) sekatan ke atas kawasan yang karkas boleh disimpan, distor, dijual, ditawarkan untuk jualan atau digunakan untuk pemprosesan;
- (c) amaun fi bagi setiap penyembelihan; dan
- (d) apa-apa terma dan syarat lain yang difikirkannya patut dan perlu.

(5)Setiap lesen khas yang dikeluarkan di bawah subkaedah (1) hendaklah tertakluk kepada fi yang ditetapkan.

(6)Dalam Kaedah-Kaedah ini, “rumah penyembelihan sedia ada” ertinya mana-mana rumah penyembelihan yang dikendalikan oleh mana-mana orang atau kumpulan orang, firma atau syarikat sebelum berkuatkuasanya Kaedah-Kaedah ini dan tidak termasuk suatu rumah penyembelihan diluluskan dan rumah penyembelihan dilesenkan.

Bahagian III

PELBAGAI

Ketidakpakaian

16. Kaedah-Kaedah ini tidak terpakai kepada mana-mana karkas yang diimport di bawah suatu kebenaran bertulis yang dikeluarkan di bawah Kaedah-Kaedah Binatang 1962 [L.N. 323/62] atau Perintah Binatang (Pengimportan) 1962 [L.N. 324/62].

Penalti

17. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Kaedah-Kaedah ini atau apa-apa syarat yang dikenakan di bawah mana-mana pendaftaran, permit, kebenaran atau lesen khas melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi seratus ringgit, dan dalam hal kesalahan yang berterusan, boleh didenda tidak melebihi dua puluh ringgit bagi tiap-tiap hari atau sebahagian daripada sehari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

Pembatalan

18. Kaedah-Kaedah Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara (Kawalan Penyembelihan) 1975 [P.U. (A) 220/75], selepas ini dirujuk sebagai “Kaedah-Kaedah dibatalkan” dibatalkan.

Kecualian dan peralihan

19. (1) Mana-mana pendaftaran, permit atau kebenaran yang dikeluarkan atau diberikan di bawah Kaedah-Kaedah dibatalkan boleh terus menjadi sah sehingga tamat tempohnya dan jika tiada tarikh tamat, hendaklah tamat pada tarikh Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa.

(2) Dalam hal pendaftaran, permit atau kebenaran yang dikeluarkan di bawah Kaedah-Kaedah dibatalkan yang tidak ada tarikh tamat, orang yang kepadanya pendaftaran, permit atau kebenaran dikeluarkan, boleh membuat suatu permohonan untuk membaharui pendaftaran, permit atau kebenaran itu dalam masa satu bulan daripada tarikh Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa atau apa-apa tempoh lain yang dibenarkan oleh pihak berkuasa veterinar secara bertulis.

JADUAL PERTAMA

BORANG 1
[subkaedah 6(1)]

AKTA BINATANG 1953

KAEDAH-KAEDAH BINATANG (KAWALAN PENYEMBELIHAN) 2009

PERMOHONAN MENJADI PENGGUNA BERDAFTAR

Di _____ (nama rumah penyembelihan)

(PEMOHON HENDAKLAH MELENGKAPKAN BORANG INI)

Sila tanda (✓)

LEMBU/KERBAU

KAMBING/ BABI

BIRI-BIRI

BINATANG LAIN (Sila nyatakan)

BAHAGIAN A: BUTIR-BUTIR PERIBADI PEMOHON

1. Nama: _____

(Sila isikan nama penuh dalam huruf besar)

2.No. Kad Pengenalan: _____

(Sila sertakan sesalinan)

BAHAGIAN B: BUTIR-BUTIR PERNIAGAAN PEMOHON

3. Nama Perniagaan Berdaftar: _____

4.Pendaftaran Perniagaan No. (Sila kepilkan sesalinan pendaftaran perniagaan dan dokumen sokongan lain): _____

5. Alamat Perniagaan: _____

(Jika lebih daripada satu sila gunakan kertas tambahan)

Tel. (Pejabat): _____

Tel. Bimbit: _____

No. Faks: _____

E-mel: _____

6. Alamat surat-menyurat: _____

7. Saya, yang bertandatangan di bawah ini mengisytiharkan bahawa semua butir-butir dan maklumat yang diberikan dalam borang ini adalah betul dan benar. Saya selanjutnya memahami bahawa pihak berkuasa veterinar boleh menolak atau membatalkan permohonan saya jika manamana maklumat yang diberikan adalah palsu.

Saya juga bersetuju bahawa kelulusan permohonan ini membolehkan saya menyembelih binatang dan menggunakan perkhidmatan dan kemudahan di rumah penyembelihan diluluskan tertakluk kepada pematuhan sepenuhnya syarat-syarat pendaftaran.

Tandatangan pemohon/ Syarikat: _____

Nama Pemohon: _____

Tarikh: _____

BORANG 2
[subkaedah 6(3)]

AKTA BINATANG 1953
KAEDAH-KAEDAH BINATANG (KAWALAN PENYEMBELIHAN) 2009

PERAKUAN PENDAFTARAN SEBAGAI PENGGUNA BERDAFTAR

RUMAH PENYEMBELIHAN _____

Diperakukan bahawa _____

K/P. No. _____ beralamat di _____

telah diluluskan sebagai pengguna berdaftar rumah penyembelihan _____

dalam Negeri _____ menggunakan tanda
pengenalan/kod pendaftaran: _____


Pendaftaran ini tertakluk kepada syarat-syarat yang dilampirkan dan sah sehingga 31 Disember
20_____.

(Tandatangan dan nama pihak berkuasa veterinar)

Rumah Penyembelihan _____

Negeri _____

Tarikh: _____



BORANG 3
[subkaedah 8(1)]
AKTA BINATANG 1953
KAEDAH-KAEDAH BINATANG (KAWALAN PENYEMBELIHAN) 2009
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
MALAYSIA

RUMAH PENYEMBELIHAN _____

NEGERI _____

BORANG PEMBAHARUAN PENGGUNA BERDAFTAR BAGI TAHUN 20 _____

(PEMOHON HENDAKLAH MELENGKAPKAN BORANG INI SEPENUHNYA)

Pendaftaran Kod/Tanda Selar: _____

Sila tanda (✓)

LEMBU/KERBAU **KAMBING/ BABI** **BIRI-BIRI**

BINATANG LAIN (*Sila nyatakan*)

SEKSYEN A: Butir-butir Peribadi

1. **Nama** (*Dalam Huruf Besar*):

2. **Kad Pengenalan No.:** _____

3. a. **Alamat Surat Menyurat** (*jika berlainan daripada borang permohonan*):

b. **No. Tel.** (Pejabat): _____ **Tel. Bimbit:** _____

4. Saya, yang bertandatangan di bawah ini mengisytiharkan bahawa semua butir-butir dan maklumat dalam borang ini adalah betul dan benar. Saya selanjutnya memahami bahawa pihak berkuasa veterinar boleh menolak atau membatalkan permohonan saya jika mana-mana maklumat yang diberikan adalah palsu.

Saya juga bersetuju bahawa kelulusan permohonan pembaharuan ini membolehkan saya meneruskan menyembelih binatang dan menggunakan perkhidmatan dan kemudahan di rumah penyembelihan diluluskan tertakluk kepada pematuhan sepenuhnya syarat-syarat pendaftaran.

Tandatangan pemohon/
Syarikat : _____

Nama Pemohon : _____

Tarikh : _____

BORANG 4
[subkaedah 13(2)]

AKTA BINATANG 1953
KAEDAH-KAEDAH BINATANG (KAWALAN PENYEMBELIHAN) 2009

**PERMOHONAN BAGI PERMIT UNTUK MENYEMBELIH BINATANG DI LUAR RUMAH
PENYEMBELIHAN DILULUSKAN ATAU RUMAH PENYEMBELIHAN DILESENKAN**

(PEMOHON HENDAKLAH MELENGKAPKAN BORANG PERMOHONAN INI)

Nama Pemohon:					
K/P No.:					
Alamat Pemohon:					
Tempat Penyembelihan (Alamat):					
Tujuan Penyembelihan:					
Tarikh dan masa Penyembelihan: (Tarikh)	Dari *pagi/ petang	hingga *pagi/ petang
Jenis Binatang: (Spesies) (Bilangan dalam perkataan)			
Tanda pengenalan binatang: (No. Pengenalan)				
Tempat, Tarikh dan Jangka Masa Jualan: [Bagi subkaedah 13(7) sahaja]				
Sijil Kesihatan Veterinar (SKV):	Dilampirkan sesalinan SKV yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Veterinar Tempatan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Rujukan / No. Siri : Tarikh dikeluarkan :				
Perisytiharan Pemohon:	Saya, yang bertandatangan di bawah ini, mengisytiharkan bahawa semua butir-butir dan maklumat yang diberikan dalam permohonan ini adalah betul dan benar. Saya selanjutnya memahami bahawa pihak berkuasa veterinar boleh menolak atau membatalkan permohonan saya jika				


	<p>mana-mana maklumat yang diberikan adalah palsu.</p> <p>Saya juga bersetuju bahawa kelulusan permohonan ini membolehkan saya menyembelih binatang di luar rumah penyembelihan diluluskan/rumah penyembelihan dilesenkan tertakluk kepada pematuhan sepenuhnya syarat-syarat yang dilampirkan kepada permit yang dikeluarkan.</p>	
Tarikh Permohonan:	<p>..... Tarikh</p>	<p>..... Tandatangan Pemohon</p>

BORANG 5
[subkaedah 13(3)]

AKTA BINATANG 1953
KAEDAH-KAEDAH BINATANG (KAWALAN PENYEMBELIHAN) 2009

**PERMIT UNTUK MENYEMBELIH BINATANG DI LUAR RUMAH PENYEMBELIHAN
DILULUSKAN / RUMAH PENYEMBELIHAN DILESENKAN**

Nama Pemohon:					
K/P No.:					
Alamat Pemohon:					
Tarikh permohonan:					
Tempat Penyembelihan (Alamat):					
Tujuan Penyembelihan:					
Tarikh dan masa Penyembelihan:	<p>..... (Tarikh)</p>	Dari	<p>..... *pagi/ petang</p>	hingga	<p>..... *pagi/ petang</p>
Jenis Binatang:	<p>..... (Spesies)</p>	<p>..... (Bilangan binatang)</p>			
Tanda Pengenalan Binatang:	<p>..... (Pengenalan binatang)</p>			<p>..... (NO. SKV):</p>	
Syarat-syarat untuk Penyembelihan:	<p>[Lihat syarat-syarat yang dilampirkan (jika ada)]</p>				

[Bagi subkaedah 13(5)]	
Syarat-syarat untuk Pelupusan/Jualan karkas: [Bagi subkaedah 13(7) & 13(8) sahaja]	[Lihat syarat-syarat yang dilampirkan (jika ada)]
	<p>..... (Pihak Berkuasa Veterinar) Negeri</p> <p>Tarikh dikeluarkan:</p>

**Potong mana-mana tidak berkenaan*

JADUAL KEDUA
[subkaedah 4(1)]

BAHAGIAN I
[subkaedah 6(1)]

FI PERMOHONAN BAGI PENDAFTARAN SEBAGAI PENGUNA BERDAFTAR

Lembu/Kerbau	RM20.00 setahun
Kambing/Biri-biri	RM20.00 setahun
Babi	RM20.00 setahun

BAHAGIAN II
[subkaedah 10(1)]

FI UNTUK MENYEMBELIH BINATANG

Perkhidmatan/kemudahan asas yang diwajibkan

PERKHIDMATAN / KEMUDAHAN	JENIS BINATANG DAN FI YANG KENA DIBAYAR (RM)				
	Lembu/Kerbau	Kambing / Biri-biri	Babi		
			Babi pedaging	Betina/Jantan	Anak Babi
1. Penggunaan kawasan kurungan binatang (seekor sehari)	1.00	1.00	1.00	1.00	Tidak berkekaan
2. Penyembelihan seekor					
(a) Kategori I	45.00	20.00	18.00	30.00	6.00
(b) Kategori II	25.00	18.00	14.00	25.00	Tidak berkekaan
(c) Kategori III	20.00	15.00	10.00	20.00	3.00
(d) Kategori IV	16.00	10.00	Tidak berkekaan	Tidak berkekaan	Tidak berkekaan
3. Membersihkan perut dan usus (setiap set)					
(a) Mekanikal	5.00	4.00	2.00	5.00	1.00
(b) Manual	3.00	2.00	1.00	3.00	1.00
4. Pendingin Utama					
(a) Maksimum 8 jam bagi setiap karkas	3.00	2.00	6.00	8.00	2.00

PERKHIDMATAN / KEMUDAHAN	JENIS BINATANG DAN FI YANG KENA DIBAYAR (RM)				
	Lembu/Kerbau	Kambing / Biri-biri	Babi		
			Babi pedaging	Betina/Jantan	Anak Babi
(b) Setiap jam tambahan bagi setiap karkas	5.00	5.00	5.00	10.00	3.00

Perkhidmatan/kemudahan lain yang diwajibkan

PERKHIDMATAN / KEMUDAHAN	JENIS KENDERAAN DAN FI YANG KENA DIBAYAR (RM)		
	Kenderaan yang mempunyai muatan kurang daripada 3 tan	Kenderaan yang mempunyai muatan 3 hingga 8 tan	Kenderaan yang mempunyai muatan lebih daripada 8 tan
Mencuci kenderaan, disinfeksi dan perkhidmatan pelupusan buangan - penggunaan air, disinkfektan dan upah melupuskan buangan	20.00	30.00	40.00

Perkhidmatan/kemudahan opsyen

PERKHIDMATAN / KEMUDAHAN	JENIS BINATANG DAN FI YANG KENA DIBAYAR (RM)				
	Lembu/ Kerbau	Kambing / Biri-biri	Babi Pedaging	Babi Betina/ Jantan	Anak Babi
1. Pendingin penyimpan (selain pendingin utama) sehari setiap karkas	10.00	5.00	6.00	12.00	2.00
2. Membelah karkas (setiap karkas) (a) Mekanikal	5.00	Tidak berkenaan	4.00	5.00	Tidak berkenaan

PERKHIDMATAN / KEMUDAHAN	JENIS BINATANG DAN FI YANG KENA DIBAYAR (RM)				
	Lembu/ Kerbau	Kambing / Biri-biri	Babi Pedaging	Babi Betina/ Jantan	Anak Babi
(b) Manual	3.00	Tidak berkenaan	2.00	3.00	Tidak berkenaan
3. Menimbang karkas (setiap karkas)	1.00	1.00	1.00	1.00	Tidak berkenaan

BAHAGIAN III

[subkaedah 13(3)]

FI BAGI PERMOHONAN PERMIT UNTUK MENYEMBELIH BAGI MAKSUD AMALAN AGAMA DAN ADAT, BAGI MAKSUD PENYELIDIKAN ATAU PENDIDIKAN ATAU PROMOSI ATAU SEMASA PERAYAAN AGAMA ATAU ADAT

Lembu/Kerbau	RM35.00 seekor
Kambing/Biri-biri	RM25.00 seekor
Babi—		
a. Betina/Jantan	RM35.00 seekor
b. Babi pedaging	RM28.00 seekor
c. Anak babi	RM10.00 seekor

BAHAGIAN IV

FI PENYEMBELIHAN KECEMASAN

[subkaedah 14(3)]

a. Di rumah penyembelihan diluluskan:

Lembu/Kerbau	RM10.00 seekor
Kambing/Biri-biri	RM8.00 seekor
Babi—		
a. Betina/Jantan	RM10.00 seekor
b. Babi pedaging	RM8.00 seekor
c. Anak babi	RM6.00 seekor

b. Di mana-mana tempat selain rumah penyembelihan
diluluskan/rumah penyembelihan dilesenkan:

Apa-apa binatang	RM50.00 seekor
------------------	-------	----------------

BAHAGIAN V
[subkaedah 15(5)]

FI BAGI MENGELUARKAN SUATU LESEN KHAS

Lembu/Kerbau	RM160.00 setahun
Kambing/Biri-biri	RM160.00 setahun
Babi	RM160.00 setahun

Jadual Ketiga
[subkaedah 10 (2)]

Sesuatu rumah penyembelihan diluluskan boleh diklasifikasikan mengikut kategori yang berikut berdasarkan sistem penyembelihan:

1. KATEGORI I

1.1 Lembu/Kerbau

- (a) Sistem yang dikendalikan *Programmable Logic Controller* (PLC)
- (b) *Stunner* elektrik automatik
- (c) Alat pemotong mekanikal tanduk/kaki
- (d) Mesin penanggal kulit/alat pelapah mekanikal
- (e) Pembelah brisket
- (f) Pembelah karkas
- (g) Mesin pembasuh babat
- (h) Mesin penimbang digital
- (i) Bilik pendingin utama
- (j) Bilik pendingin penyimpanan

1.2 Kambing dan Biri-biri

- (a) Sistem dikendalikan *Programmable Logic Controller* (PLC)
- (b) *Restainer* automatik/*stunner* elektrik automatik
- (c) Alat pemotong mekanikal tanduk/kaki
- (d) Mesin penanggal kulit/alat pelapah mekanikal
- (e) Pembelah brisket
- (f) Mesin pembasuh babat
- (g) Mesin penimbang digital
- (h) Bilik pendingin utama
- (i) Bilik pendingin penyimpanan

1.3 Babi (Babi pedaging dan Betina/Jantan)

- (a) Sistem dikendalikan *Programmable Logic Controller* (PLC)
- (b) *Restainer* automatik/*stunner* elektrik automatik
- (c) Konveyor automatik pendarahan
- (d) Kabinet pembasuhan awal
- (e) Tangki pelecur/pelecur vertikal

- (f) Pembuang bulu automatik/mesin penggelupur
- (g) Kabinet basuh
- (h) Mesin *bunging*
- (i) Pembelah automatik
- (j) Alat penimbang digital atas rel
- (k) Bilik pendingin utama
- (l) Bilik pendingin penyimpanan
- (m) Mesin pembasuh perut
- (n) Mesin pembasuh usus

1.4. Anak Babi

- (a) Rel
- (b) *Stunner* bervoltage rendah
- (c) Tangki pelecucur
- (d) Mesin penggelupur
- (e) Palung pembasuh
- (f) Alat timbang
- (g) Bilik pendingin utama

2. KATEGORI II

2.1 Lembu dan Kerbau

- (a) Rel graviti
- (b) *Stunner*
- (c) Alat pelapah mekanikal
- (d) Pembelah brisket
- (e) Pembelah karkas
- (f) Pembasuh babat secara manual
- (g) Mesin timbang digital
- (h) Bilik pendingin utama

2.2 Kambing dan Biri-biri

- (a) Rel graviti
- (b) *Stunner*
- (c) Alat pelapah mekanikal
- (d) Pembelah brisket
- (e) Pembasuh babat secara manual
- (f) Mesin timbang digital

2.3 Babi (Pedaging dan Betina/Jantan)

- (a) Rel penjenteraan
- (b) *Restrainer/stunner*
- (c) Tangki pelecucur
- (d) Mesin penggelupur
- (e) Kabinet pembasuh
- (f) Pembelah mekanikal
- (g) Alat timbang

- (h) Bilik pendingin utama
- (i) Mesin pembasuh perut
- (j) Mesin pembasuh usus

3. KATEGORI III

3.1 Lembu dan Kerbau

- (a) Rel graviti
- (b) Melapah secara manual
- (c) Pembelah brisket
- (d) Pembelah karkas
- (e) Pembasuh babat secara manual
- (f) Mesin timbang

3.2 Kambing dan Biri-biri

- (a) Rel graviti
- (b) Melapah secara manual
- (c) Pembelah brisket
- (d) Membasuh babat secara manual
- (e) Mesin timbang

3.3 Babi (Pedaging dan Betina/Jantan)

- (a) Rel graviti
- (b) *Stunner*
- (c) Tangki pelecur
- (d) Mesin penggelupur
- (e) Kabinet pembasuh
- (f) Membelah secara manual
- (g) Alat timbang
- (h) Membasuh perut secara manual
- (i) Membasuh usus secara manual

4. KATEGORI IV

4.1 Lembu dan Kerbau

- (a) Rel graviti
- (b) Melapah atas buaian
- (c) Membelah brisket secara manual
- (d) Membelah karkas secara manual
- (e) Membasuh babat secara manual

4.2 Kambing dan Biri-biri

- (a) Rel graviti
- (b) Melapah secara manual
- (c) Membelah brisket secara manual

(d) Membasuh babat secara manual

4.3 Babi (Anak babi)

(a) Tong pelecur

(b) Palung pembasuh

Dibuat 19 Mei 2009

[KP/LA/483/17 Jld. 3; PN(PU²) 195/VI]

DATUK NOH OMAR

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani